

## **KONSEP MAHAR DAN HANTARAN MENURUT PERSPEKTIF AL-SUNNAH DALAM KITAB SAHIH BUKHARI**

MOHD ZUBAIR BIN MOHD HAIRUDIN  
*zubairalmanjie@gmail.com*

DR. PHAYILAH YAMA  
Fakulti Pengajian Peradaban Islam  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

### **ABSTRAK**

*Mahar bermaksud perkara wajib yang diberikan oleh bakal suami kepada bakal isteri seiring dengan adanya akad nikah manakala hantaran bermaksud amalan masyarakat, satu pemberian dari pihak lelaki kepada pihak perempuan sebagai satu hadiah dalam bentuk wang. Namun kini telah ramai dikalangan masyarakat menjadikan hantaran itu sebagai perkara wajib yang mesti diberikan melebihi wajibnya mahar dan menjadi hantaran perkahwinan ini sebagai satu bentuk bebanan baru di kalangan anak muda yang ingin bernikah. Maka kajian ini bertujuan untuk mendedahkan konsep dan spesifikasi sebenar tentang maksud mahar dan hantaran dari sudut Al-quran dan penjelasannya tentang mahar dari kitab Sahih Bukhari. Data-data kajian dikumpulkan berdasarkan analisis dokumen dan dianalisa secara deskriptif. Dapatkan menunjukkan bahawa hadis nabi memudahkan mahar dan tidak menjadikan bernikah itu satu bebanan kerana tinggi nilai hantaran menyebabkan kesukaran untuk bernikah. Tujuannya adalah kebaikan bernikah awal ini supaya mengelakkan dari berleluasanya kemaksiatan.*

**Kata kunci:** **Mahar, Hantaran Menurut Islam**

### **1.0 PENGENALAN**

Agama Islam sangat menganjurkan perkahwinan. Anjuran ini dinyatakan dalam Al-Quran dan Al-Sunnah. Di dalam perkahwinan, terdapat rukun nikah iaitu mahar. Mahar adalah pemberian wajib lelaki kepada perempuan. Mahar juga sebagai simbolik untuk membuktikan rasa cinta serta menunjukkan keikhlasan dan kesungguhan bakal suami kepada isterinya. Secara umumnya wanita bukanlah menjual diri mereka dengan mahar, akan tetapi dengan cara ini dapat mengetahui ketulusan hati seorang lelaki dalam menjalankan kewajipannya.

#### **1.1 DEFINISI MAHAR**

Mahar dalam bahasa arab *shadaq*. Perkataan asalnya isim mashdar dari *ashdaq*, masdarnya *ishdaq* diambil dari kata *shidqin* (benar). Dinamakan *shadaq* kerana memberi maksud benar-benar cinta lalu bernikah. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat bermaksud pemberian yang diwajibkan dari pegantin lelaki kepada pegantin perempuan.. Pemberian wajib dari bakal suami

kepada bakal isterinya sebagai tanda ketulusan hati bakal suami untuk menimbulkan rasa cinta kasih bagi seorang isteri kepada calon suaminya, (Abdul Rahman ghozali 2010). Mahar juga membawa maksud pemberian wajib kepada bakal isteri daripada bakal suami sebagai tanda ketulusan hati bakal suami kepada bakal isterinya dalam bentuk benda ataupun jasa

### **1.2 MAHAR PADA ZAMAN JAHILIYYAH**

Mahar adalah bayaran perkahwinan yang berasal daripada amalan masyarakat Jahiliyyah. Dalam amalan masyarakat Jahiliyyah, mahar adalah syarat sah perkahwinan. Ini kerana, setelah mahar diberikan barulah perkahwinan sah dari segi undang-undang. Pada ketika itu, wali iaitu ayah atau datuk, adik beradik lelaki atau saudara mara yang menjaga wanita menganggap mahar adalah hak mereka sebagai imbalan atas menjaga dan membesarluwanita tersebut. Ini kerana, apabila wanita tersebut dikahwinkan, mahar yang diberikan oleh pengantin lelaki akan menjadi milik wali atau penjaga sepenuhnya. Secara tidak langsung, mahar digambarkan sebagai bayaran pembelian wanita,(Hasbi Hj Muh. Ali t.t)

### **1.3 MAKSUD MAHAR**

Mahar merupakan termasuk dalam rukun nikah yang mana ia merupakan perkara wajib yang perlu dipenuhi. Maksud mahar dapat disimpulkan sebagai pemberian wajib dari suami kepada isteri sebagai hadiah yang tulus berkenaan dengan perkahwinan antara keduanya yang telah ditetapkan dalam al-Quran, Al-sunnah dan ijma. Maka perkara mahar ini menjadi wajib bagi pasangan yang hendak mendirikan rumah tangga kerana mahar ini termasuk dalam ajaran agama Islam.

Pemberian mahar adalah sesuatu yang disyariatkan oleh ajaran agama Islam. Sebagaimana meminang, maka mahar pun diberikan oleh pihak lelaki kepada pihak perempuan, pihak lelaki yang datang kepada pihak perempuan untuk meminang dan mengungkapkan rasa cintanya, serta untuk menunjukkan keikhlasan, maka lelaki tersebut perlu memberikan sesuatu sebagai bukti ketulusan budi, inilah yang dikenali dengan sebutan mahar.

### **1.4 MAHAR MENURUT AL-QURAN**

Pegertian mahar adalah dari *masdar* dari kata مهر-بِهْر-مَهْر yang bererti maskahwin. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat bermaksud pemberian yang diwajibkan dari pegantin lelaki kepada pegantin perempuan. Mahar juga lebih dikenal dengan sebutan maskahwin. dalam al-Quran disebut dengan beberapa istilah yaitu:

1. *Ujr*, jamak dari kata *ajrum* yang ertiannya ganjaran atau hadiah, terdapat dalam al-Quran

وَالْمُحْسَنُ مِنَ النِّسَاءِ إِلَّا مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ كَتَبَ اللَّهُ عَلَيْكُمْ وَأَحِلَّ لَكُمْ مَا وَرَاءَ ذَلِكُمْ أَن تَبْتَغُوا بِأَمْوَالِكُمْ مُحْصِنِينَ غَيْرَ مُسَفِّحِينَ فَمَا أَسْتَمْتَعْتُمْ بِهِ مِنْهُنَّ فَعَاتُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ فَرِيشَةٌ وَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ فِيمَا تَرَاضَيْتُمْ بِهِ مِنْ بَعْدِ الْفَرِيشَةِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا

Dan (diharamkan juga kamu mengawini) wanita yang bersuami, kecuali budak-budak yang kamu miliki (Allah telah menetapkan hukum itu) sebagai ketetapan-Nya atas kamu. dan Dihalalkan bagi kamu selain yang demikian (yaitu) mencari isteri-isteri dengan hartamu untuk dikawini bukan untuk berzina. Maka isteri-isteri yang telah kamu nikmati (campuri) di antara mereka, berikanlah kepada mereka maharnya (dengan sempurna), sebagai suatu kewajiban; dan Tiadalah mengapa bagi kamu terhadap sesuatu yang kamu telah saling merelakannya, sesudah menentukan mahar itu. Sesungguhnya Allah Maha mengetahui lagi Maha Bijaksana.

الْيَوْمَ أَحِلَّ لَكُمُ الْطَّيِّبَاتُ وَطَعَامُ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَبَ حِلٌّ لَّكُمْ وَطَعَامُكُمْ حِلٌّ لَّهُمْ وَالْمُحْسَنُ مِنَ الْمُؤْمِنَاتِ وَالْمُحْسَنُ مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَبَ مِنْ قَبْلِكُمْ إِذَا أَتَيْتُمُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ مُحْصِنِينَ غَيْرَ مُسَفِّحِينَ وَلَا مُتَحَذِّلِي أَخْدَانٍ وَمَن يَكْفُرُ بِالْإِيمَانِ فَقَدْ حَبَطَ عَمَلُهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَسِيرِينَ

Pada hari ini Dihalalkan bagimu yang baik-baik. makanan (sembelihan) orang-orang yang diberi Al kitab itu halal bagimu, dan makanan kamu halal (pula) bagi mereka. (dan Dihalalkan mangawini) wanita yang menjaga kehormatan diantara wanita-wanita yang beriman dan wanita-wanita yang menjaga kehormatan di antara orang-orang yang diberi Al kitab sebelum kamu, bila kamu telah membayar mas kawin mereka dengan maksud menikahinya, tidak dengan maksud berzina dan tidak (pula) menjadikannya gundik-gundik. Barangsiapa yang kafir sesudah beriman (tidak menerima hukum-hukum Islam) Maka hapuslah amalannya dan ia di hari kiamat Termasuk orang-orang merugi.

2. *Saduqat*, jamak dari kata *saduqoh*, yang ertinya pemberian yang tulus


وَإِنْتُمْ أَعْلَمُ بِأَنَّهُ مِنْهُ فَكُلُوهُ هَنِيئًا



Berikanlah maskawin (mahar) kepada wanita (yang kamu nikahi) sebagai pemberian dengan penuh kerelaan. kemudian jika mereka menyerahkan kepada kamu sebagian dari maskawin itu dengan senang hati, Maka makanlah (ambilah) pemberian itu (sebagai makanan) yang sedap lagi baik akibatnya.

3. *Faridah*, yang ertiya sesuatu yang diwajibkan atau sesuatu bahagian yang ditetapkan.

لَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِنْ طَلَقْتُمُ النِّسَاءَ مَا لَمْ تَمْسُوهُنَّ أَوْ تَفْرِضُوا لَهُنَّ فَرِيضَةً  
وَمَتَّعُوهُنَّ عَلَى الْمُوْسِعِ قَدْرُهُ وَعَلَى الْمُقْتَرِ قَدْرُهُ مَتَّعُوا بِالْمَعْرُوفِ حَقًّا عَلَى



Tidak ada kewajiban membayar (mahar) atas kamu, jika kamu menceraikan isteri-isteri kamu sebelum kamu bercampur dengan mereka dan sebelum kamu menentukan maharnya. dan hendaklah kamu berikan suatu mut'ah (pemberian) kepada mereka. orang yang mampu menurut kemampuannya dan orang yang miskin menurut kemampuannya (pula), Yaitu pemberian menurut yang patut. yang demikian itu merupakan ketentuan bagi orang-orang yang berbuat kebijakan.

Mahar merupakan suatu pemberian dalam perkawinan dari bakal suami kepada bakal isteri dan khusus menjadi harta miliknya sendiri. Secara umum kata lain yang dipergunakan untuk mahar di dalam Al-Qur'an adalah "Ajr" (اجر) berarti penghargaan serta hadiah yang diberikan kepada pengantin perempuan. Sesungguhnya "Ajr" (اجر) adalah sesuatu yang diberikan dan tak dapat hilang. Kata " Shadaqah" (صدق) juga dipergunakan di dalam Al-Qur'an untuk menekankan pemberian/nafkah dalam kehidupan keluarga. Kata "Faridah" dalam Al-quran, yang secara harfiah adalah nafkah yang diwajibkan atau suatu bagian yang telah ditetapkan, (Abdur Rahman 1992).

## 1.5 PEMBAHAGIAN MAHAR

1. Mahar Musamma

Mahar Al Musamma merupakan mahar yang telah disebutkan jumlahnya dan dipersetujui atau disepakati oleh kedua-dua belah pihak ketika atau selepas akad dilakukan. Para ulama berpendapat mahar haruslah diberikan sepenuhnya apabila terjadi beberapa perkara seperti yang berikut:

- i. Telah berlaku persetubuhan, (Prof. Dr Wahbah Az zuhaili 1985).
- ii. Salah seorang dari pasangan suami isteri meninggal dunia sebelum berlaku persetubuhan, (Karim Zaydan 1993).
- iii. Isteri mendapat separuh dari harga mahar
  - Penceraihan talak satu sebelum persetubuhan
  - Mahar telah ditentukan, (Abu Zuhrah 1997).
  - Isteri tetap ingin menuntut haknya, Ala'eddin Kharofa 2004)
- iv. Isteri tidak mendapat sepenuh mahar, (Abu Zuhrah 1957).
  - Berlaku fasakh disebabkan akad nikah yang fasiq
  - Penceraihan yang berpunca dari isteri dalam rumahtangga
  - Fasakh disebabkan perkahwinan tidak sekufu

## 2. Mahar Mithil

Mahar mithil merupakan mahar yang tidak ditentukan semasa akad. Dinamakan mahar mithil kerana mahar ini diberikan kepada seorang perempuan mengikut keturunan pihak bakal pengantin perempuan seperti kakak sebapa, ibu atau neneknya dengan meihat kriteria seperti usia, kecantikan, harta, akal dan agama kerana kerana nilai mahar seorang perempuan berbeza mengikut faktor-faktor berikut berdasarkan masa dan tempat, (Siti Nor Ahiasah 2012). Terdapat beberapa perkara mahar musamma bertukar kepada mahar mithil antaranya ialah :

- i. Dalam keadaan suami tidak ada menyebutkan sama sekali mahar atau jumlahnya, (Abu Zuhrah 1957).
- ii. Suami menyebutkan mahar musamma, namun mahar tersebut tidak memenuhi syarat yang ditentukan atau mahar tersebut cacat seperti maharnya adalah minuman keras.
- iii. Suami ada menyebutkan mahar musamma, namun kemudian suami isteri berselisih dalam jumlah atau sifat mahar tersebut dan tidak dapat diselesaikan.

## 1.6 MAK SUD HANTARAN

Adat perkahwinan masyarakat Melayu, selain perlu menyediakan mas kahwin (mahar) pihak lelaki perlu menyediakan hantaran. Hantaran adalah amalan bersendikan adat yang telah sebatи dalam kehidupan masyarakat Melayu Melayu (SharifahZaleha, et.al 1997). Amalan hantaran ini dipercayai kesan dan pengaruh daripada amalan Hinduisme-Buddhisme yang telah menapak awal di Tanah melayu sebelum kedatangan Islam (Mohtar 1979, Kathleen Kuiper 2009).

Menurut istilah syarak, hantaran atau hadiah atau pemberian yang diistilahkan sebagai hibah , iaitu suatu akad yang dapat memindah milik sesuatu benda tanpa perlu kepada gantian (Muhammad 1958) atau dikenali sebagai hadiah (berupa makanan, pakaian dan sebagainya) yang dibawa bersama dengan wang hantaran (Noresah 2005) yang dibawa oleh pihak lelaki untuk diberikan kepada pihak perempuan, (Nurulfathonah Effendy t.t).

## **1.7 KESIMPULAN**

Maka jelaslah mahar bukanlah imbalan atas mana-mana faedah yang diperoleh oleh pihak suami, tetapi mahar merupakan pemberian wajib sebagai tanda kasih seorang suami kepada isterinya sama ada berupa harta atau barang yang bermanfaat. Selain itu, Islam mensyariatkan mahar bertujuan meninggikan darjat wanita serta memberikan hak-hak wanita dalam perkahwinan. Oleh sebab itu, pemberian mahar kepada wanita bukanlah imbalan atau harga seorang wanita, tetapi mahar diberikan atas dasar persetujuan dan keredhaan bersama suami dan isteri. Selain itu, hantaran juga merupakan adat yang telah lama berakar umbi dalam adat masyarakat melayu sebelum kedatangan Islam. Jika adat tersebut bertentangan dengan syarak, maka tidak wajib untuk kita patuhi dan ikuti.

## **1.8 SENARAI RUJUKAN**

- Al Imam Abi Abdullah Syamsuddin Muhammad bin Ahmad bin Uthman Adz-Zahabi. 2004. *Siyar A'alaam An Nubala*. Jilid 1. Arab Saudi. Baitul Afnar Ad-Dauliah.
- Al Imam Muhammad Abu zuhrah. 1957. *Al-Ahwal Al-Shakhsiyah*. Edisi 3. Mesir: Darul Fikir Al A'rabi.
- Doktor Muhammad Bakar Ismail. 1997. *Qasas Al-Quran min Adam A.S. Ila Ashabul Fill*. Edisi 2. TT. Darul Manar.
- Hasbi Hj Muh. Ali Dan Raihanah Hj Azahari, 2013, Objektif Syariah Dalam Pemberian Mahar, *Jurnal Fiqh*. No 10, 57-76.
- Nur Azizah, 2011, *Mahar Dalam Perspektif Hadis*, Program Studi Tafsir Hadis Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta.
- Nurul Fathonah Bt Mohd Effendy, t.t, *Kajian Terhadap Tren Wang Hantaran Tinggi Di Bangi*, Jabatan Usuluddin Dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Prof. Dr Wahbah Az zuhaili. 1985. *fiqh Islami Wa Adilatuhu*. Edisi 2. Jilid 7. Damaskus: Darul Fikir.
- Zurita Mohd Yusoff. 2008. Amalan Pemberian Mas Kahwin Di Malaysia. *Jurnal Islam & Masyarakat kontemporari*, jilid 1, 43-57.